

BAB 3

METODOLOGI

3.1 AM

Bab ini akan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan rekabentuk kajian, persampelan, pemilihan alat ukuran, teknik analisa data dan hipotesis kajian.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kes kajian dan bukan satu kajian menyeluruh untuk profesyen ketenteraan. Kajian ini hanya dilakukan terhadap mekanik-mekanik KJLJD, TDM di Woksyop-woksyop Briged, TDM diseluruh negara secara tinjauan.

3.3 TEMPAT KAJIAN

Secara amnya Woksyop-woksyop Briged TDM terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Serawak mengikut kedudukan markas formasi (Markas Briged Infantri Malaysia, TDM). Bagi mendapatkan gambaran yang jelas terhadap kedudukan tahap kepuasan bekerja di kalangan mekanik-mekanik KJLJD, TDM, pengkaji telah memilih woksyop-woksyop berikut sebagai kajian :

- 1 Woksyop Briged – Port Dickson, Negeri Sembilan.
- 2 Woksyop Briged – Ipoh Perak.
- 3 Woksyop Briged – Kuantan, Pahang.
- 6 Woksyop Briged – Sg Petani, Kedah.
- 7 Woksyop Briged – Johor Bahru, Johor.
- 8 Woksyop Briged – Kota Bahru, Kelantan.
- 9 Woksyop Briged – Kuching Serawak.

3.4 PERSAMPELAN

Bagi kajian ini, populasi persampelan adalah 70 responden bagi tiap lokasi yang dipilih, yang melibatkan semua woksyop briged yang ada di dalam TDM diseluruh negara (jumlah responden bagi 8 woksyop briged adalah 560 responden).

3.5 PEMILIHAN ALAT UKURAN

3.5.1 **Soal Selidik.** Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai alat pengukur. Pemilihan kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada mekanik-mekanik KJLJD, TDM mengenai tahap kepuasan mereka keatas tugas dan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Kaji selidik yang digunakan merangkumi 2 bahagian seperti berikut :

a. **Bahagian A.** Maklumat yang berkaitan dengan data demografik Responden.

b. **Bahagian B.** Mengandungi 11 Pembolehubah Tak Bersandar (IV) dan 01 Pemboleh Ubah Bersandar (DV) seperti berikut :

❖ **Pembolehubah Bersandar (IV).**

- Soalan yang berkaitan dengan Gaji dan Elaun.
- Soalan yang berkaitan dengan Kenaikan Pangkat.
- Soalan yang berkaitan dengan Pengawasan & Penyeliaan.
- Soalan yang berkaitan dengan faedah.
- Soalan yang berkaitan dengan ganjaran.
- Soalan yang berkaitan dengan prosedur operasi.
- Soalan yang berkaitan dengan rakan kerja.
- Soalan yang berkaitan dengan kerja.
- Soalan yang berkaitan dengan komunikasi.
- Soalan yang berkaitan dengan peralatan dan fasilitas.
- Soalan yang berkaitan dengan persekitaran.

c. **Bahagian C.** Pembolehubah Bersandar (DV) yang berkaitan dengan Kepuasan Bekerja dan mengandungi 12 soalan

3.5.1 **Alat Ukuran.** Alat ukuran yang digunakan bagi mengukur keputusan kajiselidik yang dijalankan adalah seperti berikut :

a. **Skil Kategori.** Teknik ini digunakan untuk mengetahui berkaitan dengan maklumat atau faktor demografi responden yang melibatkan soalan-soalan di Bahagian A.

b. **Mengukur Tahap Kepuasan Kerja.** Soalan-soalan dalam kaji selidik adalah mengambil kira faktor “Job descriptive Index (JDI)” untuk mengukur tahap kepuasan bekerja secara keseluruhan dan diletak di Bahagian B, borang kajiselidik. Skil ini memfokus kepada pelbagai sikap individu terhadap pekerjaannya yang merangkumi gaji dan elaun, kenaikan pangkat, pengawasan/penyeliaan, faedah, ganjaran, hubungan antara pekerja, pekerjaan itu sendiri, prosedur dan operasi, peralatan & fasiliti, komunikasi dan persekitaran. Jumlah item yang digunakan dalam mengukur tahap kepuasan bekerja dalam kajian ini mengikut pembolehubah tak bersandar (IV) yang dipilih adalah seperti berikut; Gaji dan Elaun (10 item), peluang kenaikan pangkat (8 item), pengawasan dan penyeliaan (17 item), faedah (8 item) dan ganjaran (8 item) yang diperolehi dalam perkhidmatan, prosedur operasi (12 item) yang diamalkan dalam pelaksanaan pekerjaan sekarang, peranan rakan kerja (11 item) dalam pelaksanaan kerja, kerja itu sendiri (14 item), komunikasi (10 item) antara semua peringkat dalam organisasi, peralatan dan fasiliti (10 item) yang

ada di bengkel woksyp dan keadaan persekitaran (13 item). Pengukuran tahap kepuasan kerja ini menggunakan Skala Likert 7.

c. **Mengukur Tahap Kepuasan Bekerja.** Pengukuran Tahap Kepuasan Bekerja ini juga menggunakan teknik pengukuran skala linkert yang dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi terhadap kepuasan bekerja dikalangan mekanik-mekanik KJLJD, TDM dan tahap kepuasan bekerja. Faktor-faktor yang digunakan adalah berasaskan kepada faktor JDI. Sapertimana soalan di Bahagian C, boring kajiselidik.

d. **Teknik Pengukuran Likert.** Bersesuaian dengan tujuan kajian, teknik pengukuran yang digunakan ini adalah Linkert Berskala 7 iaitu 1- Amat Tidak Bersetuju, 2 - Tidak Bersetuju, 3 – Kurang Bersetuju, 4 – Tidak Pasti (Neutral), 5 – Sedikit Setuju, 6 – Bersetuju dan 7 – Sangat Bersetuju. Ini bagi membolehkan setiap jawapan yang diterima mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan ini juga menunjukkan alat ukuran ini mampu memberikan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji (Wong Shwe Jen, 1987).

3.5.2 Cara Pemberian Markah.

Skor mengukur Tahap Kepuasan Bekerja yang digunakan adalah seperti berikut :

| Deskripsi Kenyataan | Skor |
|----------------------------|-------------|
| Sangat Tidak Setuju | 1 |
| Tidak Setuju | 2 |
| Kurang Bersetuju | 3 |
| Tidak Pasti | 4 |
| Sedikit Bersetuju | 5 |
| Bersetuju | 6 |
| Sangat Bersetuju | 7 |

3.6 TEKNIK ANALISA DATA

Data yang diperolehi, dianalisa menggunakan program SPSS (Statistical Package for School Science). Analisa frekuensi yang digunakan untuk menghuraikan taburan kekerapan bagi maklumat umum responden. Bagi Bahagian A melibatkan maklumat demografik responden dan Bahagian B pula adalah untuk mengkaji tahap kepuasan bekerja oleh faktor-faktor yang dipilih dan Bahagian C untuk mengukur tahap kepuasan

bekerja responden itu sendiri. Data markah yang terkumpul bagi setiap soalan dicampur dan seterusnya dibahagikan dengan jumlah responden bagi mendapatkan purata minimum.

Seterusnya analisa keatas keseluruhan data responden yang diperolehi dilakukan mengikut peringkat analisa yang telah ditetapkan seperti berikut :

- **Peringkat 1:** Analisa Kepercayaan (Reliability Analysis) keatas keseluruhan data responden (560 data) yang terlibat dalam kaji selidik.
- **Peringkat 2:** Analisa Kenormalan (Normality Analysis) keatas keseluruhan data responden (560 data) yang terlibat dalam kaji selidik.
- **Peringkat 3:** Analisa Deskriptif (Descriptive Analysis) keatas data demografik keseluruhan responden yang terlibat dalam kaji selidik (560 responden).
- **Peringkat 4:** Analisa Univariate (Univariate Analysis).
- **Peringkat 5:** Analisa Perbandingan Purata Berganda (Multiple Mean Comparisons Analysis).
- **Peringkat 6:** Analisa Pelbagai Variate (Multivariate Analysis).